

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]**

**SOALAN** : Tuan V Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang potensi penanaman jagung di negara ini. Berapakah luas kawasan yang terlibat dengan penanaman jagung serta bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk petani-petani yang mengusahakan pertanian tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Jagung adalah tanaman yang berpotensi untuk dimajukan. Jagung merupakan salah satu tanaman bijirin yang terpenting selain dari gandum, sekoi dan padi. Jagung ditanam sebagai tanaman bijirin untuk ternakan atau untuk dijadikan minyak, tepung, bahan industri dan terkini sebagai bahan farmasuetikal.

Di Malaysia, kebiasaannya terdapat dua jenis jagung yang ditanam iaitu jagung untuk makan segar dan jagung sayur. Walau bagaimanapun dari segi keluasan, jagung untuk makan segar adalah lebih banyak ditanam berbanding dengan jagung sayur.

Antara varieti jagung untuk tujuan makan segar yang disyorkan adalah Thai Super Sweet, Manis Madu atau Hibrimas. Dengan penjagaan dan pengurusan ladang yang baik, hasil tongkol yang besar (melebihi 30g/tongkol) dan berkualiti boleh mencapai 25,000 – 30,000 tongkol sehektar.

Keluasan tanaman jagung di Semenanjung Malaysia, pada tahun 2013 adalah sebanyak 5248.18 hektar. Manakala kawasan pengeluaran utama jagung adalah di Johor, Selangor, Perak dan Kelantan. Bagi menyokong usaha penanaman jagung, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan bantuan melalui program seperti berikut:

- (i) Peningkatan Hasil Pengeluaran Sayur-Sayuran dengan kadar RM6,000 sehektar bagi menaiktaraf tanaman projek sedia ada. Insentif meliputi pembersihan kawasan, penyediaan infrastruktur ladang, bahan-bahan input dan peralatan kecil pertanian.
- (ii) Pakej Amalan Teknologi Pertanian dengan kadar RM10,000 sehektar bagi menaik taraf tanaman projek sedia ada. Insentif meliputi pembersihan kawasan, penyediaan infrastruktur ladang, bahan-bahan input dan peralatan kecil pertanian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]**

**SOALAN : 253**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian berusaha dan sanggup berunding untuk memberikan tapak tanah KTMB kepada pihak Kuil Sri Maha Ganapathy Alayam Persiaran Tun Perak yang sedang menduduki tapak tersebut. Pihak kuil telah membuat permohonan tetapi tidak ada maklum balas daripada KTMB.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perbadanan Aset Keretapi (PAK) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang diperbadankan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463). Seksyen 92 (2) dan Seksyen 93 Akta ini telah meletakkan segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) kepada PAK.

Struktur Kuil Maha Ganapathy Alayam Paripalana Sangam terletak di atas sebahagian Lot 75887, Bandar Ipoh, Perak milik PAK. Status tanah ini adalah tanah Rizab Persekutuan untuk tujuan perkeretapian. Perkara 85(4) Perlembagaan Persekutuan antara lain menetapkan bahawa tanah yang dirizabkan bagi maksud persekutuan tidaklah terhenti daripada dirizabkan sedemikian, dan segala tanah yang dirizabkan sedemikian hendaklah dikawal dan diuruskan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan, dan Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa hak menduduki, mengawal atau menguruskan, atau suatu penyewaan atau pajakan, keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah itu.

Pihak kuil telah dibenarkan menduduki tapak tersebut secara penyewaan pada kadar nominal RM250 sebulan. Penyewaan ini telah berlangsung selama 12 tahun dan terkini, Perbadanan Aset Keretapi telah menawarkan penyambungan penyewaan tanah kepada pihak kuil selama 3 tahun berkuatkuasa dari 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
[ BERUAS ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada tapak pelupusan di Teluk Mengkudu, Segari, Perak yang sudah mula digunakan sudah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar. Jelaskan butir-butir lanjut tentang tapak pelupusan tersebut termasuk tarikh bermulanya ia beroperasi, keluasan tanah dan jangka hayat tapak pelupusan tersebut

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari di Teluk Mengkudu, Manjung, Perak Darul Ridzuan terletak di Teluk Mengkudu, Mukim Pengkalan Bharu, Daerah Manjung, Perak dengan keluasan tapak yang digazetkan seluas 125 ekar. Dari segi rekabentuk, tapak projek ini mampu menampung untuk melupuskan sisa pepejal selama 11 tahun.

Tapak pelupusan sisa pepejal Teluk Mengkudu merupakan milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dan segala urusan pengoperasian sisa pepejal yang berjalan di tapak tersebut pada masa ini adalah di bawah kelolaan dan kawalan MPM.

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) mempunyai perancangan untuk membina tapak pelupusan sisa pepejal sanitari baru di

Daerah Manjung. Oleh kerana tapak pelupusan Teluk Mengkudu ini telah digunakan oleh MPM sebagai tempat pelupusan sisa pepejal, maka JPSPN hanya akan melaksanakan projek menaiktaraf tapak pelupusan tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015